

PM pengerusikan Dialog Belanjawan

BH 11 JUL 2001

PUTRAJAYA, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mula pengerusikan Dialog Belanjawan 2002, kali pertama selepas mengambil alih jawatan Menteri Kewangan daripada Tun Daim Zaidin sejak 1 Jun lalu.

Perdana Menteri pernah menyandang jawatan berkenaan selama kira-kira empat bulan apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim dipecat daripada kerajaan dan parti pada September 1998, sebelum jawatan itu diserahkan kepada Daim pada Januari 1999.

Bagaimanapun, ketika itu beliau tidak sempat pengerusi dialog prabelanjawan meskipun membentangkan Belanjawan 1999 itu pada Oktober 1998.

Dalam ucapannya pada siri pertama dialog itu yang diadakan di Unit Penyelidikan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri di sini pagi ini, Dr Mahathir antara lain berkata:

“Ini adalah satu pengalaman baru bagi saya walaupun saya jadi Menteri Kewangan dahulu tetapi untuk sekejap masa sahaja

dan tidak ada majlis dialog diadakan... saya terus kemukakan Belanjawan (1999) pada 1998.

“Tetapi oleh kerana majlis dialog ini belum diadakan oleh Menteri Kewangan yang lama, saya terpaksa mengengerusikannya. Saya harap akan dapat banyak pengalaman, pengajaran daripada majlis dialog ini,” katanya.

Dialog itu yang bertema “Menggalakkan Pertumbuhan Melalui Penguatan Daya Tahan Dan Peningkatan Daya Saing”, adalah acara rasmi prabelanjawan yang penting bagi mendapatkan idea dan saranan bernas dalam menangani pelbagai isu dan cabaran ekonomi semasa dan masa depan.

Dr Mahathir berkata, semua input yang dikemukakan dalam majlis itu akan dijadikan sebagai asas persediaan untuk merangka strategi dan langkah Belanjawan 2002 yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat, Oktober ini.

Dialog bagi siri pertama hari ini dihadiri wakil 50 organisasi, termasuk uni-

versiti, bank, syarikat kewangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan agensi kerajaan serta beberapa kementerian.

Beliau berkata, tema itu dipilih kerana cabaran utama yang dihadapi ekonomi negara ketika ini iaitu mengukuhkan daya tahan ekonomi daripada kejutan luar melalui usaha mempelbagaikan sumber pertumbuhan, penguatan sektor kewangan dan peningkatan daya saing negara.

Katanya, dialog itu dibahagikan kepada tiga sesi dengan sesi pertama hari ini membabitkan perbincangan mengenai perkembangan ekonomi makro negara serta isu-isu berkaitan.

Sesi kedua pada Jumaat ini membabitkan perbincangan dengan wakil pelbagai sektor ekonomi utama dan industri tertentu.

Sesi ketiga pada Sabtu ini akan memberi peluang kepada pelbagai wakil daripada pertubuhan sosial dan kemasyarakatan untuk membincangkan isu dan agenda sosial negara.